

## PEMIKIRAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM DALAM PELAKSANAAN BANTUAN KEWANGAN DI MALAYSIA

### *ISLAMIC ECONOMIC DEVELOPMENT THINKING IN THE IMPLEMENTATION OF FINANCIAL AID IN MALAYSIA*

Ahmad Nazrul Alif Yahya <sup>1</sup>  
Wan Norhaniza Wan Hasan <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.  
(Email: nazrul\_alif@ymail.com)

<sup>2</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.  
(Email: wanhaniza@usm.my)

#### Article history

**Received date** : 20-5-2020  
**Revised date** : 21-5-2020  
**Accepted date** : 2-7-2020  
**Published date** : 15-7-2020

#### To cite this document:

Yahya, A. N. A., & Hasan, W. N. W. (2020). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Islam Dalam Pelaksanaan Bantuan Kewangan Di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 5 (27), 151 – 165.

---

**Abstrak:** *Bantuan kewangan secara umumnya ialah bantuan yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat berpendapatan rendah. Dalam sistem ekonomi Islam, bantuan kewangan dianggap sebagai salah satu kaedah memacu pertumbuhan dan kemampuan ekonomi negara. Pembangunan dalam ekonomi Islam mengandungi nilai dengan utamanya untuk memelihara dan memastikan kebajikan manusia. Oleh itu, penting untuk pelaksanaan bantuan kewangan mempunyai tujuan yang jelas agar mampu memberi manfaat kepada penerima bantuan secara menyeluruh dan berkesan. Pelaksanaan yang berkesan ini boleh diperolehi melalui mekanisme saluran yang tepat. Sebagai salah satu negara yang mempunyai sistem ekonomi Islam terkehadapan, Malaysia dilihat berupaya menjadi antara role model yang menunjukkan contoh dalam pelaksanaan ekonomi Islam. Dalam situasi Malaysia yang menyediakan bantuan kewangan kepada golongan terkebahawah, bagaimanakah bantuan kewangan tersebut disalurkan? Apakah tujuan dan matlamat bantuan kewangan di Malaysia dilaksanakan? Bagi menjawab persoalan-persoalan ini, artikel ini berhasrat mengenal pasti pelaksanaan bantuan kewangan yang dilakukan di Malaysia dengan lebih lanjut. Analisis seterusnya dilakukan terhadap unsur pemikiran pembangunan ekonomi Islam dalam pelaksanaan bantuan kewangan di Malaysia. Pendekatan kajian kualitatif digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan maklumat dan analisis. Artikel ini mendapati bahawa bantuan kewangan dalam ekonomi Islam bersifat menyeluruh, multidimensi dan bersepadu. Kesepaduan ini dapat dilihat dengan ketara melalui penekanan aspek kerohanian dan kebendaan berdasarkan keutamaan dalam kehidupan bagi penerima bantuan tersebut.*

**Kata kunci:** *Pembangunan, Pemikiran Ekonomi Islam, Bantuan Kewangan.*

**Abstract:** *Financial assistance is generally the assistance for the needs of the low income community. In the Islamic economic system, financial assistance is considered to be one of the methods of provide growth and sustainability of the nation's economy. Development in Islamic economy contains value with its principal to preserve and ensure human welfare. Therefore, it is important that the implementation of financial assistance has a clear purpose to benefit the recipients overall and effective assistance. This effective implementation can be obtained through appropriate channel mechanisms. As one of the countries that have the Islamic economic system in the presence, Malaysia is seen trying to be between role models that demonstrate examples in the implementation of Islamic economics. In the Malaysian situation that provides financial assistance to the needy, how will the financial assistance be channeled? What are the objectives and goals of financial assistance in Malaysia implemented? To answer these issues, this article is eager to identify the implementation of financial assistance conducted in Malaysia further. The subsequent analysis was conducted on the thinking elements of Islamic economic development in the implementation of financial assistance in Malaysia. A qualitative review approach is used entirely in the process of information collection and analysis. This article finds that financial aid in the Islamic economy is thorough, multidimensional and integrated. This integration can be significantly visible through the emphasis of spiritual and material aspects based on priority in life for the recipients.*

**Keywords:** *Development, Islamic Economic Thinking, Financial Aid*

---

### **Pengenalan**

Bantuan kewangan merupakan salah satu bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada golongan terkebah dalam mendepani cabaran kewangan semasa. Di Malaysia, bantuan kewangan disalurkan pada peringkat nasional oleh kerajaan pusat melalui mekanisme permohonan dan penilaian. Selain kerajaan pusat, bantuan kewangan turut diberikan oleh kerajaan negeri dan pelbagai agensi kerajaan sama ada pusat mahupun negeri. Pada peringkat persekutuan, bantuan kewangan disalurkan kepada penerima melalui kelolaan kementerian yang telah ditetapkan. Kebiasaannya bantuan kewangan diagihkan kepada golongan yang berfokus bagi membantu golongan tersebut dalam menjalani kehidupan mereka. Selain itu, bantuan kewangan juga bertujuan untuk membantu dalam mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah. Kaedah ini dilihat sebagai salah satu langkah dalam mengimbangi keputusan kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi pelbagai keperluan isi rumah (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Kebanyakan bantuan kewangan diberi kepada golongan yang layak berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dan kementerian-kementerian tertentu untuk pengagihan bantuan tersebut. Kaedah penyaluran bantuan kewangan oleh kerajaan ini merupakan salah satu aspek penting dalam ekonomi Islam yang menekankan agar kekayaan sesebuah negara diagihkan secara menyeluruh seperti yang difirmankan Allah SWT yang bermaksud: “*Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu*” (Al-Hasyr, 59:7). Melalui pengagihan ini, keadilan dapat dilaksanakan dan dalam masa yang sama membuka ruang untuk masyarakat hidup bersama secara harmoni. Islam menyeru umatnya supaya maju dalam segala aspek kehidupan termasuk dalam pembangunan ekonomi Islam. Pemikiran pembangunan ekonomi Islam yang digariskan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah adalah bersifat material dan spiritual, merangkumi tidak sahaja pembangunan ekonomi itu sendiri, tetapi juga

pembangunan insan, sosial dan sebagainya. Dalam erti kata lain, pembangunan ekonomi Islam adalah syumul dan bermatlamatkan *falah* untuk pembinaan masyarakat dengan ketauhidan tinggi dan bertamadun.

Pendekatan dalam ekonomi Islam ini berbeza dengan sistem ekonomi konvensional. Bantuan kewangan kerajaan dalam ekonomi konvensional lebih bersifat menggalakkan kitaran ekonomi. Kaedah ini diharapkan dapat memacu ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Tanpa mengeneppikan hasrat menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan negara, ekonomi Islam bertindak sebagai serampang dua mata menjayakan pembangunan ummah dan pembangunan negara dalam masa yang sama. Artikel ini seterusnya membincangkan tentang bantuan kewangan dan konsep pembangunan ekonomi Islam dan seterusnya menganalisis pemikiran pembangunan ekonomi Islam dalam pelaksanaan bantuan kewangan di Malaysia.

### **Kaedah Penyelidikan**

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data adalah berdasarkan kajian dokumentasi. Data sekunder merupakan data sedia ada yang dikumpul dan diproses oleh penyelidik terdahulu (David & Sutton, 2011), Bowen (2009), Hennink, Hutter & Bailey, (2010) dan Tracy (2013). Ia melibatkan penelitian sebarang bentuk penulisan sama ada dalam bentuk teks atau nombor yang diperolehi melalui kajian dokumen. Data-data kajian ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas dokumen-dokumen bertulis. Dokumen yang dirujuk adalah berkenaan dengan prinsip-prinsip penggunaan Islam. Kaedah penyelidikan ini adalah satu kaedah untuk menganalisis data yang terhasil pemikiran yang ada. Data sekunder yang terkumpul di perpustakaan-perpustakaan diklasifikasikan kepada dua maklumat utama berdasarkan topik kajian. Pertama, maklumat yang diperolehi daripada bahan yang diterbitkan seperti buku-buku, artikel-artikel dalam jurnal dan juga bahan yang tidak diterbitkan seperti kertas kerja seminar dan bengkel, laporan penyelidikan dan disertasi. Sementara itu, sebahagian daripada bahan dan maklumat diperolehi daripada capaian *internet* bagi mengukuhkan dapatan kajian. Kedua, bagi memastikan secara intensif, penyelidik juga turut menggunakan kaedah pencarian menerusi pengkalan data sekunder.

### **Bantuan Kewangan Di Malaysia**

Pelbagai bantuan kepada golongan sasaran telah dilaksanakan di Malaysia dari pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan atau pihak bukan kerajaan merangkumi peringkat nasional mahupun pada peringkat negeri. Bantuan-bantuan ini tidak terhad kepada bantuan dalam bentuk kewangan tetapi ada juga dalam bentuk lain seperti bantuan perumahan, bantuan persekolahan, bantuan kesihatan dan sebagainya. Secara umumnya, bantuan yang disalurkan bertujuan membantu golongan-golongan yang kurang berkemampuan. Status kurang berkemampuan ini terjadi atas beberapa faktor seperti peningkatan kos sara hidup, kedudukan geografi mahupun kemiskinan. Selain itu, penyaluran bantuan juga merupakan satu bentuk pengagihan semula kekayaan.

Antara bantuan kewangan yang telah dilaksanakan di Malaysia ialah seperti Bantuan kewangan 1Malaysia, Skim Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri, Bantuan Golongan Kurang Upaya, Bantuan Kewangan Warga Emas, Bantuan Penjagaan Anak Untuk Golongan Berpendapatan Rendah dan Bantuan Peniaga. Bantuan kewangan ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Skim Bantuan Kerajaan Negeri,

Peruntukan Bantuan oleh Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya.

Setiap bantuan kewangan mempunyai syarat-syarat dan ketetapannya sendiri. Pihak yang melaksanakannya telah mengemukakan pelbagai cara permohonan dan penilaian bagi bantuan kewangan supaya ia dapat disalurkan kepada golongan yang tepat. Sebagai contoh, Bantuan kewangan 1Malaysia yang mula dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga 2018 menunjukkan perkembangan positif dalam menangani kos sara hidup rakyat dengan peningkatan nilai bantuan pada setiap tahun dan jumlah perbelanjaannya diantara 2.9 billion sehingga 6.3 billion (Rang Undang-Undang Perbekalan, 2018). Bantuan ini memberi fokus kepada golongan yang berpendapatan rendah. Selain itu, bantuan rakyat yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat lebih memberi fokus kepada kaum wanita ataupun ibu tunggal, golongan kelainan upaya (OKU) dan juga warga emas.

Kebiasaan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini diberi setiap bulan kepada penerimanya dengan nilai diantara RM150 sehingga RM450 berdasarkan syarat-syarat tertentu. Tujuan utama bantuan kewangan adalah untuk meringankan beban buat sementara waktu individu serta keluarga dan menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya kembali bekerja dan mampu berdikari (Portal JKM). Sebagai contoh, skim bantuan kanak-kanak diperkenalkan bagi membantu kanak-kanak miskin agar memastikan kehidupan kanak-kanak bersama keluarga dan melalui perkembangan kehidupan mereka dengan lebih baik. Bantuan kanak-kanak diberi sebanyak RM100 untuk setiap kanak-kanak dan maksimum RM450 bagi keluarga yang mempunyai anak melebihi 4 orang. Bantuan ini dapat membantu dan meringankan beban keluarga.

Skim Bantuan Kewangan dengan memperkenalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2012 untuk membantu meringankan beban peningkatan kos sara hidup dalam kalangan kumpulan 40 peratus terendah yang dikenali sebagai golongan B40. Golongan ini dilihat sebagai golongan yang terdedah kepada risiko ekonomi (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Walaupun bantuan kewangan lebih tepat sasarannya, namun ia dipengaruhi oleh kadar inflasi. Tambahan pula, memandangkan penerima yang membuat keputusan tentang bagaimana bantuan tersebut digunakan. Bantuan rakyat 1Malaysia atau dikenali sebagai BR1M merupakan salah satu inisiatif bantuan yang dilaksanakan dibawah Program Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada Disember 2011. Mekanisme pengagihan BR1M pada permulaannya dilakukan menggunakan hasil pendapatan cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Sebanyak RM26 juta daripada hasil cukai digunakan untuk tujuan ini (PEMANDU, 2012).

BR1M mula diagihkan pada tahun 2012 yang memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dari seluruh Malaysia. Untuk permulaan pengagihan BR1M, polisi pembayarannya adalah secara sekali gus (*one off*) untuk isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah manakala individu bujang yang berumur 21 ke atas dengan pendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan dengan nilai bantuan BR1M sebanyak RM250 bagi setiap individu (PEMANDU, 2012). Bantuan kewangan ini dilaksanakan dari tahun 2012 sehingga 2018. Melalui BR1M, kerajaan telah mengagihkan jumlah bantuan diantara RM500 sehingga RM1200 sepanjang pelaksanaannya.

Bantuan kewangan dengan tujuan dan mekanisme yang mirip diteruskan pula pada tahun 2019 dengan skim bantuan kewangan yang baru yang dikenali sebagai Bantuan Sara Hidup (BSH). Seperti juga BR1M, BSH turut dilaksanakan dan dikelola oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Jadual 1.1 di bawah akan bantuan pada setiap tahun dan jumlah yang diberikan kepada penerima bantuan.

**Jadual 1.1: Program Bantuan Kementerian Kewangan (BR1M dan BSH)**

<b>Nama Bantuan</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Manfaat</b>	<b>Nota</b>
BR1M (2012)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah berpendapatan rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan isi rumah RM3000 dan ke bawah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM500 setahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2012</li> <li>• Perbelanjaan RM2089 juta</li> <li>• Penerima: 5.2 juta orang</li> </ul>
BR1M 2.0 (2013)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan isi rumah RM3000 dan ke bawah</li> <li>• Individu bujang berpendapatan RM2000 dan kebawah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah: RM500 setahun</li> <li>• Individu bujang RM250</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2013</li> <li>• Perbelanjaan RM3000 juta</li> <li>• Penerima: Isi rumah 4.3 juta; individu bujang 2.7 juta</li> </ul>
BR1M 3.0 (2014)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara</li> <li>• Pendapatan Isi rumah RM4000 dan ke bawah</li> <li>• Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan RM4000 dan ke bawah</li> <li>• Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan RM2000 dan kebawah dan tidak menerima baucer buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan warga emas tunggal berpendapatan kurang RM3000: Tunai RM650 &amp; premium insuran RM50</li> <li>• Isi rumah &amp; warga emas berpendapatan RM3000- RM4000: Tunai RM450 &amp; premium insurans RM50</li> <li>• Individu berumur antara 21-59 berpendapatan kurang RM2000: Tunai RM300</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• iBRIM menyediakan insuran sehingga RM30,000 untuk kematian dan kecacatan kekal disebabkan kemalangan</li> <li>• Perbelanjaan 4.5 Billion</li> <li>• Penerima: 7.5 juta</li> </ul>

<p>BRIM 4.0 (2015)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan Isi rumah kurang RM4000</li> <li>• Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000</li> <li>• Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah berpendapatan RM3000 dan kebawah; Tunai RM950</li> <li>• Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000 ;Tunai RM800</li> <li>• Individu berumur antara 21-59berpendapatan RM2000 dan ke bawah: ;Tunai RM350</li> <li>• BRIM Bereavement Scheme – RM1000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan: 4.6 billion</li> <li>• Penerima: 7.9 juta</li> </ul>
<p>BRIM 5.0 (2016)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan Isi rumah kurang RM4000</li> <li>• Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000</li> <li>• Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,050</li> <li>• Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan kebawah ; Tunai RM 1,000</li> <li>• Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000;Tunai RM800</li> <li>• Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM1,050</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan: 5.9 billion</li> <li>• Penerima: 4.7 jutaisi rumah dan 2.7 juta individu bujang</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• BRIM Bereavement Scheme – RM1000</li> </ul>	
BRIM 6.0 (2017)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan Isi rumah kurang RM4000</li> <li>• Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000</li> <li>• Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak menerima baucer buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,200</li> <li>• Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah ; Tunai RM 1,200</li> <li>• Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000; Tunai RM900</li> <li>• Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM450</li> <li>• BRIM Bereavement Scheme – RM1000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM6.8 bil diperuntukkan untuk faedah 7 juta penerima</li> <li>• Diagihkan sebanyak 3 kali</li> </ul>
BRIM 7.0 (2018)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan Isi rumah kurang RM4000</li> <li>• Warga emas (60 tahun ke atas) tunggal berpendapatan kurang RM4000</li> <li>• Individu bujang 21 tahun ke atas berpendapatan kurang RM2000 dan tidak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah di bawah e-kasih atau berpendapatan RM1000 dan ke bawah ; Tunai RM1,200</li> <li>• Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah ; Tunai RM 1,200</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diagihkan sebanyak 3 kali</li> </ul>

		menerima baucer buku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah berpendapatan antara RM3,000-4,000; Tunai RM900</li> <li>• Individu berumur antara 21-59 berpendapatan RM2000 dan ke bawah: Tunai RM450</li> <li>• BRIM Bereavement Scheme – RM1000</li> </ul>	
BSHR (2019)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara yang menetap di Malaysia sahaja</li> <li>• Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 4,000 dan ke bawah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM1,000.</li> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM750.</li> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 akan menerima bantuan berjumlah RM500.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan RM 5Billion</li> <li>• Penerima: 4.1 juta</li> </ul>



			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar tambahan sebanyak RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah tetapi terhad kepada 4 orang, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur.</li> <li>• Individu Bujang: Tunai RM100</li> </ul>	
BSHR (2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah dan individu berpendapatan rendah (B40)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara yang menetap di Malaysia sahaja</li> <li>• Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 4,000 dan ke bawah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM1,000.</li> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM750.</li> <li>• Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 akan menerima bantuan berjumlah RM500.</li> <li>• Kadar tambahan sebanyak RM120 untuk setiap anak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan RM 5Billion</li> <li>• Penerima: 4.1 juta</li> </ul>

			berumur 18 tahun ke bawah tetapi terhad kepada 4 orang, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu Bujang: Tunai RM100</li> </ul>	
--	--	--	--	--

Sumber: *Halaman Sesawang Dan Maklumat Daripada Pelbagai Kementerian & The Star (22 Oktober, 2016); NST (22 Oktober, 2016)*

Pelaksanaan bantuan kewangan oleh pihak kerajaan pada setiap tahun telah memperuntukan jumlah pengagihan yang tinggi untuk bantuan tersebut iaitu melebihi RM10 billion. Kesemua tujuan bantuan kewangan yang dibincangkan di atas mempunyai satu tujuan yang sama iaitu membasmi kemiskinan, meningkatkan ekonomi rakyat dan meningkatkan taraf hidup golongan-golongan yang berpendapatan rendah sejajar dengan peningkatan kos sara hidup pada zaman ini. Keberkesanan bantuan kewangan ini harus diteruskan oleh pelbagai pihak supaya ia dapat membantu golongan-golongan yang memerlukan.

### **Konsep Pemikiran Pembangunan Ekonomi Dalam Islam**

Dalam sistem ekonomi konvensional sama ada sosialis/komunis mahupun kapitalis, pemikiran pembangunan ekonomi bertumpu kepada aspek material dan kewangan. Pendekatan sebegini mengabaikan nilai-nilai moral dan spiritual serta pembangunan diri manusia (Surthaman Kastin Hassan, 1995). Sebaliknya, pemikiran pembangunan ekonomi Islam adalah bersifat komprehensif yang meliputi pembangunan dalam akhlak, kerohanian dan kebendaan. Keadaan ini mungkin berpunca daripada implementasi peraturan berasaskan ajaran Islam dan nilai-nilai yang terkandung dalam syariah Islam yang justeru menghasilkan tanggungjawab sosial setiap pihak yang terlibat dalam sistemnya. Aspek akhlak, kerohanian, kebendaan, sosial dan ekonomi tidak boleh dipisahkan untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi dalam ekonomi Islam. Menurut Syed Othman al-Hasbi (1992), langkah ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi.

Pemikiran pembangunan ekonomi dalam Islam bersifat multi-dimensional ataupun pelbagai dimensi iaitu pembangunan yang seimbang di antara faktor kebendaan dan kerohanian, kuantitatif dan kualitatif, dalaman dan luaran. Perkara yang dinamik dalam kehidupan sosial Islam ialah memberikan penekanan yang istimewa kepada dua perkara. Pertama, penggunaan secara optimum sumber-sumber yang diberikan oleh Allah SWT. Kedua, penggunaan serta pengagihan sumber-sumber alam secara adil dan digalakkan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan (Khurshid Ahmad, 1980). Kesejahteraan dan kebajikan serta falah yang ingin dicapai dalam kerangka pembangunan ekonomi Islam bukan sekadar untuk memenuhi keperluan duniawi semata-mata, tetapi juga kesejahteraan, kerohanian, kebajikan dan kejayaan di dunia dan akhirat (Muhammad Syukri Salleh, 2000).

Asas falsafah pemikiran pembangunan ekonomi Islam seperti yang dibincangkan oleh para sarjana ekonomi Islam adalah falsafah tauhid seperti *rububiyyah*, *khilafah* dan *tazkiyah*. Falsafah tauhid yang meliputi aspek keesaan dan kekuasaan Allah SWT melibatkan peraturan tentang hubungan Allah SWT dengan manusia dan hubungan manusia sesama manusia. Falsafah *rububiyyah* adalah mengakui sifat Allah SWT sebagai penguasa yang membuat segala peraturan serta menjaga kehidupan makhluk ke arah kesempurnaan kepada-Nya. Falsafah ini merupakan undang-undang asasi yang merupakan pedoman dalam pembangunan sumber supaya ia dapat dikekalkan dan digunakan oleh setiap manusia. Falsafah *khilafah* ialah falsafah yang menentukan peranan dan status manusia sebagai khalifah di muka bumi yang bertanggungjawab dalam memegang amanah Allah SWT dalam pelbagai sudut seperti akhlak, politik, ekonomi dan juga sosial. Falsafah *tazkiyah* pula adalah peranan para nabi dan rasul yang diutus ke dunia yang berperanan dalam membawa agama Allah SWT. Selain itu, para nabi dan rasul juga perlu menjaga hubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Konsep *tazkiyah* dapat membangunkan manusia ke arah yang lebih baik dalam kehidupannya termasuk juga dalam pembangunan ekonomi Syed Othman al-Hasbi (1992).

#### **Pemikiran Pembangunan Ekonomi Islam Dalam Pelaksanaan Bantuan Kewangan**

Pemikiran pembangunan ekonomi Islam dalam pelaksanaan bantuan kewangan adalah untuk mencapai matlamat utama dalam meringankan kos sara hidup bagi golongan yang memerlukan. Selain itu, dalam pelaksanaan bantuan kewangan juga hendaklah disertai dengan niat atau tujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT (Khurshid Ahmad, 1980). Bantuan kewangan juga harus mempunyai asas dan objektif yang jelas dalam pelaksanaannya supaya ia dapat memberi keberkesanan dalam pengagihan bantuan kewangan tersebut. Polisi pemikiran pembangunan ekonomi Islam dalam pelaksanaan bantuan kewangan ini merangkumi pembangunan sumber insan, penggunaan yang bermanfaat, pembaikan kualiti kehidupan dan pembangunan yang seimbang.

Pembangunan sumber insan ataupun manusia haruslah menjadi perkara utama dalam pelaksanaan bantuan kewangan. Hal ini kerana kekuatan akhlak dan kerohanian, pelaksanaan bantuan kewangan harus mengambil kira sikap dan aspirasi yang betul. Sebagai contoh, pelaksana bantuan kewangan haruslah mempunyai perwatakan dan personaliti, pendidikan dan latihan yang mampu menguruskan segala peraturan yang ditetapkan bagi memudahkan urusan permohonan oleh penerima bantuan kewangan tersebut. Selain itu, keutamaan harus diberikan dalam pengembangan pendidikan, orientasi rohani dan keperluan bagi mengenal pasti setiap kelayakan penerima bantuan kewangan tersebut. Oleh itu, pembangunan sumber insan harus diketengahkan dalam pelaksanaan bantuan kewangan demi menjaga pelaksanaan bantuan tersebut ke arah yang lebih baik.


Manusia mempunyai keinginan dalam kehidupan mereka yang bersifat kebendaan dan kerohanian. Oleh itu, bagi memenuhi asas hakikat inilah penggunaan sumber dan kekayaan yang ada di bumi ini perlu mempunyai ukuran yang tertentu supaya dapat mencapai keinginan manusia di muka bumi. Mannan (1980) telah menggariskan beberapa prinsip yang menjadi panduan dalam penggunaan iaitu kebenaran atau hak, kebersihan atau kesucian, kerohanian atau akhlak, kesederhanaan dan kemanfaatan dan kemaslahatan. Kaedah penggunaan dalam bantuan kewangan adalah berfokuskan kepada keutamaan bagi setiap penggunaan yang bakal dilakukan oleh penerima bantuan tersebut. Sebagai contoh, penerima bantuan kewangan boleh membuat keputusan bagi keutamaan mereka dalam penggunaan bantuan kewangan tersebut.

Kebanyakan penulis yang menulis berkaitan dengan pemilihan keutamaan penggunaan dalam ekonomi Islam seperti Muslehuddin (1970) dan Mannan (1980) telah menyatakan pembahagian keutamaan kepada tiga bahagian utama iaitu penggunaan barang keperluan asas, barang keselesaan, dan barang mewah. Bagi Afzal-ur-Rahman (1975) keutamaan penggunaan dibahagi kepada empat perkara iaitu, barang keperluan asas, barang keperluan kecukupan, barang keselesaan dan barang mewah. Manakala menurut Sadeq (1987), keutamaan penggunaan ada lima perkara yang berkaitan iaitu barang keperluan hidup, barang keperluan asas, barang keselesaan, barang mewah, barang merbahaya, dan barang keperluan kecukupan yang ditambah oleh Afzal-ur-Rahman. Pemilihan dalam keutamaan penggunaan ini menjadi panduan dalam penggunaan dalam sistem pasaran.

Dalam pelaksanaan bantuan kewangan, usaha-usaha ke arah memperbaiki taraf kehidupan adalah bertujuan untuk mencapai kebajikan akhlak, ekonomi dan sosial mereka. Keutamaan harus diberikan sekurang-kurangnya dapat memenuhi dan membantu golongan yang memerlukan. Antaranya usaha-usaha mengadakan peluang pekerjaan dan semua penyelarasan dari segi struktur, teknologi, pelaburan dan pendidikan yang dapat menjamin masa depan mereka ke arah yang lebih baik. Selain itu, mengadakan satu sistem jaminan sosial yang berkesan yang menjamin keperluan hidup asas bagi semua orang yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan atau usaha-usaha mencari nafkah hidup, dan mereka yang layak mendapat bantuan dan pertolongan masyarakat melalui institusi zakat, dan sebagainya.

Pembangunan yang seimbang dalam bantuan kewangan adalah dengan melaksanakan sistem agihan pendapatan dan kekayaan yang saksama dan adil. Haruslah ada dasar yang kukuh untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara golongan yang kaya dengan golongan yang kurang berada, dasar yang telus untuk meningkatkan pendapatan golongan yang miskin. Oleh itu Islam mahu supaya harta kekayaan beredar (*mobilize*) secara sempurna supaya ia tidak dimonopoli oleh orang kaya sahaja dan bagi melindungi kepentingan ekonomi mereka yang kurang bernasib baik. Keadaan ini boleh mendatangkan keburukan ekonomi iaitu berlakunya pembekuan harta yang sepatutnya dilaburkan sebagai modal dalam aktiviti pengeluaran sehingga kesannya kelak boleh mengancam pertumbuhan ekonomi negara.

Pembangunan sumber insan, penggunaan yang bermanfaat, pembaikan kualiti kehidupan dan pembangunan yang seimbang menjadi empat tonggak asas dalam pemikiran pembangunan ekonomi Islam untuk tujuan aplikasi dan penerapan bantuan kewangan. Berdasarkan empat asas ini implementasi pemikiran pembangunan ekonomi Islam yang dilaksanakan diharapkan dapat berlaku dengan berkesan. Hubungan antara keempat-empat asas ini dengan pemikiran pembangunan ekonomi Islam ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Pemikiran Pembangunan Ekonomi Islam**

### **Impak Pembangunan Ekonomi Islam Dalam Bantuan Kewangan**

Secara umumnya, kebajikan sosial (*social welfare*) adalah aktiviti-aktiviti masyarakat yang dilakukan bertujuan untuk menaiktaraf dan membantu ke arah kebajikan dan kebaikan manusia dalam kehidupan mereka. Umpamanya, kemiskinan sesebuah keluarga boleh diatasi dengan langkah-langkah kebajikan sosial untuk mengeluarkan keluarga miskin ini daripada kesusahan dan kekangan dalam kehidupan. Kebajikan sosial dalam Islam adalah bersifat komprehensif meliputi individu dan masyarakat. Kebajikan ini tercapai apabila individu dan masyarakat berpegang kepada norma kehidupan yang berakhlak mulia yang merupakan asas kepada kemanusiaan dan tamadun masyarakat (Nik Mustapha Nik Hassan, 1995).

Dalam pemikiran pembangunan ekonomi Islam, fungsi kebajikan sosial berasaskan konsep masalah yang menjadi dasar untuk membuat sebarang keputusan dalam perekonomian. Pembangunan ekonomi akan tercapai dalam bentuk seimbang, menyeluruh dan bersepadu kerana sebarang keputusan untuk usaha pembangunan harus mengambil kira persoalan masalah dan tingkat-tingkat keutamaan dan harus juga mengambil kira aspek kebendaan dan kerohanian. Dalam bahasa lain, asas pembentukan fungsi kebajikan sosial Islam adalah kukuh dan konsisten sepanjang zaman dan sesuai dilaksanakan dalam semua tempat dan bangsa. Bagi fungsi penggunaan dalam Islam berdasarkan konsep masalah penggunaan barangan bermula dengan barangan *daruriyyat*, diikuti dengan *hajjiyyat* dan *kamaliyyat* dan ia bergantung dengan pendapatan individu tersebut. Selain pendapatan boleh guna individu, penggunaan sesuatu barangan, umpamanya barangan *daruriyyat* dalam ekonomi oleh golongan yang kurang mampu boleh disediakan oleh pihak-pihak tertentu seperti kerajaan untuk mencapai taraf kebajikan sosio-ekonomi.

Penggunaan harus berasaskan kepada prinsip-prinsip hak atau kebenaran, kebersihan atau suci, kerohanian atau akhlak, kesederhanaan, kemanfaatan dan kemaslahatan (Mannan, 1980). Penggunaan ditakrifkan sebagai perbelanjaan individu muslim berasaskan prinsip-prinsip

Syariah. Sementara dalam ekonomi konvensional berkonsepkan sebagai penggunaan terhadap barangan untuk memenuhi kehendak manusia ekonomi. Perbezaan antara konsep penggunaan dalam ekonomi Islam dengan konvensional, antaranya, ialah prinsip penggunaan konvensional lebih mementingkan pemaksimuman kepuasan nafsu atau utiliti tertakluk kepada batasan belanjawannya, sedangkan dalam ekonomi Islam prinsip penggunaan memperuntukan pendapatan yang ada dengan membelanjakannya secara sederhana dan mengikut masalah atau keutamaan serta tertakluk kepada batasan syariah. Empat prinsip yang dianjurkan oleh Islam dalam penggunaan. Pertama, penggunaan barangan ekonomi haruslah berada di tahap yang mencukupi bagi setiap keperluan asas pengguna. Kedua, penggunaan jenis barangan adalah tertakluk kepada prinsip masalah dan hukum syariah. Ketiga, penggunaan barangan ekonomi adalah sederhana, tidak boros dan tidak berlebihan. Keempat, matlamat memaksimumkan kepuasan bukanlah matlamat utama penggunaan Islam, tetapi matlamat pengabdian kepada Allah SWT adalah yang utama.

Demikian juga dalam konteks pengagihan pendapatan dan kekayaan seperti yang telah digariskan oleh Islam adalah bersepadu yang meliputi pengagihan kekayaan sebelum proses pengeluaran, pengagihan selepas proses pengeluaran dan akhirnya pengagihan kekayaan kepada mereka yang tidak terlibat dalam proses pengeluaran seperti orang sakit, cacat dan sebagainya. Proses pengagihan yang akhir ini dinamakan juga sebagai pengagihan semula kekayaan kepada masyarakat berkenaan melalui, antaranya, institusi zakat dan sedekah untuk mencapai fungsi kebajikan sosial dan ekonomi kepada masyarakat, dan supaya harta kekayaan itu tidak berada dalam kalangan orang kaya sahaja. Bentuk pengagihan kekayaan ini berbeza langsung dengan konsep pengagihan kekayaan dan pendapatan dalam kerangka ekonomi konvensional kerana dalam teori ini tidak langsung membincangkan pengagihan berkenaan sebelum proses pengeluaran atau pengagihan semula kekayaan.

Dari sudut sosial, perkara yang membawa perubahan dalam pemikiran pembangunan ekonomi Islam ialah pembangunan taraf pendidikan, tingkat pengetahuan dan kemahiran, tahap kesihatan dan kemudahan asas. Dari sudut kerohanian ditunjukkan melalui peningkatan tingkat keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Peningkatan keimanan ini dapat melindungi manusia daripada melakukan maksiat dan perkara yang dilarang oleh Islam.

Berdasarkan konsep yang telah dibincangkan sebelum ini menunjukkan pemikiran pembangunan ekonomi Islam adalah sebagai pencapaian umat Islam dalam bidang kerohanian dan kebendaan berasaskan kepada agama dan syariah. Oleh itu, pelaksanaan bantuan kewangan melalui pembangunan ekonomi Islam mampu menjadi pelaksanaan bantuan tersebut ke arah yang lebih baik dan mempunyai matlamat yang jelas. Selain itu ia juga mampu membantu memberikan kesenangan dan menjadi golongan yang menerima bantuan itu berusaha dalam mendapat sesuatu perkara untuk kehidupan yang lebih baik. Asas pemikiran pembangunan ekonomi Islam yang merangkumi empat perkara iaitu, pembangunan sumber insan, penggunaan yang bermanfaat, perbaikan kualiti kehidupan dan pembangunan yang seimbang perlu menjadi teras dalam pelaksanaan bantuan kewangan di Malaysia supaya ia menjadi lebih jelas dan mampu mencapai matlamat pelaksanaan bantuan kewangan tersebut.

## Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan tentang asas dalam pemikiran pembangunan ekonomi Islam dan impak yang boleh diberikan kepada pelaksanaan bantuan kewangan khususnya di Malaysia. Perbincangan telah menunjukkan bahawa pemikiran pembangunan ekonomi Islam bersifat menyeluruh, multidimensi dan bersepadu antara aspek rohani dan kebendaan melalui pendekatan fungsi kebajikan sosial dalam Islam bagi mencapai kecekapan dalam penggunaan, pengeluaran dan pengagihan pendapatan dalam Islam. Berdasarkan analisis ini, pelaksanaan bantuan kewangan dilihat penting untuk mengambil kira setiap pengagihan dan penggunaan bantuan yang akan diagihkan kepada golongan yang layak menerima bantuan tersebut supaya matlamat dan tujuan pelaksanaan bantuan kewangan itu dicapai dengan baik. Setiap perkara asas yang hendak dilaksanakan perlu dimulakan dengan asas-asas yang lebih baik seperti perbincangan berkenaan dengan pemikiran pembangunan ekonomi Islam.

## Rujukan

- Afzalur Rahman. (1985). *Economic doctrines of Islam* (3rd ed.). Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Ahmad, Khurshid. (1980), "Economic Development in an Islamic Framework", dalam Ahmad, Khurshid (ed.), *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 179
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative research journal*, 9(2), 27-40.
- David, M., & Sutton, C. D. (2011). *Social research: an introduction*: SAGE Publications.
- Hennink, M., Hutter, I., & Bailey, A. (2010). *Qualitative research methods*: Sage
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (t.t). Diakses pada 22 Feb, 2018. <http://www.jkm.gov.my/>
- Mannan, M. A. (1980). *Islamic Economics*: Idarah-i Adabiyat-i Delli.
- Muhammad Syukri Salleh et al. (2000), "Kerangka Pembangunan Berteraskan Islam", *Dewan Ekonomi*, Nov, h. 67.
- Muslehuddin, M. (1970). *Commonwealth of Islamic Countries and the Muslim World Bank*. The Criterion.
- Nik Mustapha Nik Hassan (1995), *Islam-Kedudukan dan Peranan Sektor Awam dan Swasta*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 36
- Performance Management Delivery Unit (PEMANDU), 2012 Annual Report, Diakses pada 22 Feb, 2017, [www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2012/](http://www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2012/)
- Rang Undang-Undang Perbekalan (2018). Diakses pada 1 Mac 2017. <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub17.pdf>
- Sadeq, A. H. M. (1987). *Economic growth in an islamic economy*. Kertas yang dibentangkan di International Seminar on Islamic Economics.
- Surtahman Kastin Hassan. (1995), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 185; Nyang, S. S. (1976), "The Islamic State and Economic Development: A Theoretical Analysis", *Islamic Culture*, Vol. 50, h. 11.
- Syed Othman al-Habshi. (1992), "*Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam*", Risalah, Mei, h. 41
- Tracy, S. J. (2013). *Qualitative research methods*. UK: Wiley-Blackwell
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia kesebelas 2016-2020*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.